

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24 April 2017

SOALAN

Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah jenis bantuan yang disalurkan oleh pihak Kementerian dalam membantu menaik taraf sosio ekonomi ahli-ahli persatuan ibu tunggal di negara ini khususnya negeri Pahang dan sejauh mana kejayaan Kementerian dalam membantu menaik taraf sosio ekonomi ahli-ahli ini.

JAWAPAN

Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa memberi perhatian kepada golongan wanita khususnya ibu-ibu tunggal sama ada yang berdaftar dengan persatuan-persatuan ibu tunggal ataupun tidak berdaftar dengan mana-mana persatuan ibu tunggal. Berdasarkan statistik terdapat lebih dari 200 persatuan ibu tunggal yang berdaftar di negara ini. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah mengambil inisiatif dengan merangka Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal bagi membantu golongan wanita dan ibu tunggal khususnya untuk memperkasakan pembangunan ekonomi mereka. Berdasarkan pelan ini, agensi-agensi di bawah Kementerian telah menjalankan usaha-usaha untuk merancang dan menambah baik program-program pemerkasaan ekonomi ibu tunggal supaya program yang dijalankan di peringkat Kementerian dapat memberi impak positif dan berkesan kepada pembangunan ekonomi ibu tunggal. Antara usaha-usaha serta inisiatif yang disediakan ialah: a) Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT), (I-KeuNita). b) Portal e-dagang Wanita Mall c) Home Manager d) U- Boleh e) Program Bazar Wanita. f) Program Komuniti PERWANI 1 Malaysia g) Program 1 Azam Kementerian juga melalui Jabatan Pembangunan Wanita akan berkerjasama dengan pihak MARA bagi membantu wanita dan Ibu Tunggal untuk memulakan perniagaan menerusi permohonan Dana Wanita bagi menyokong pertumbuhan ekonomi kaum wanita. Pelbagai jenis bantuan dan program yang telah dilaksanakan di Negeri Pahang adalah program Inkubator Ibu Tunggal (I-KIT) dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita) yang sekarang ini dikenali sebagai Development of Women Entrepreneur Initiative (DEWI), Portal e-dagang Wanita Mall, Bazar Wanita 1 Malaysia, Home Manager, U- Boleh dan Program-Program Komuniti PERWANI 1 Malaysia. Jumlah ibu tunggal yang terlibat dalam I-KIT ialah seramai 353 orang peserta dari tahun 2008 hingga 2016 dan seramai 181 orang peserta yang telah berjaya meningkatkan pendapatan. Manakala Portal e-dagang Wanita Mall pula seramai 18 orang peserta ibu tunggal yang terlibat dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka di dalam Portal e-dagang tersebut. Jumlah peserta bagi Bazar Wanita seramai 18 orang dan 8 orang daripada jumlah tersebut adalah ibu tunggal. Program ini secara purata dapat meningkatkan pendapatan peserta sebanyak 20 peratus daripada pendapatan sebelum ini. Jumlah peserta bagi Program Home Manager pada tahun 2017 adalah seramai 18 orang dan 7 orang daripada jumlah tersebut adalah ibu tunggal. Program ini dapat memberi peluang pekerjaan kepada ibu tunggal untuk menceburkan diri dalam prospek kerjaya sebagai pengurus kediaman. Seminar U- Boleh bertujuan untuk memberi bimbingan, motivasi dan kaunseling agar peserta mempunyai minda keusahawanan. Program ini telah dilaksanakan pada bulan Mac 2017 di Pekan, Pahang yang melibatkan peserta seramai 109 orang dan 20 daripadanya adalah ibu tunggal. Manakala penglibatan peserta pada 2016 pula seramai 100 orang yang dilaksanakan di Dataran Temerloh. Pada tahun 2016 Program PERWANI 1 Malaysia Bersama YAM Cik Puan Muda Pahang yang dihadiri seramai 2000 orang ibu tunggal di daerah Maran. Program tersebut yang memberi fokus kepada pemerkasaan ekonomi ibu tunggal melalui Seminar Magnet Rezeki. Program tersebut dapat memberi motivasi dan suntikan semangat kepada ibu tunggal untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka.

